

KEGANASAN SEKS

Keganasan Seks merujuk kepada sebarang tingkah laku yang bersifat seksual yang berlaku tanpa kebenaran atau pemahaman mangsa.

Perkara ini boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, tanpa mengira faktor seperti umur atau jantina.

Keganasan Seks boleh dilakukan oleh orang yang tidak dikenali atau oleh orang yang mungkin dikenali mangsa. Ini juga boleh berlaku dalam konteks sebarang perhubungan atau persekitaran.

APAKAH TINGKAH LAKU GANAS SEKS?

- Memaksa seseorang untuk melakukan sebarang kegiatan seksual
- Terlibat dalam kegiatan seksual dengan seseorang tanpa kebenaran (cth. cabul, rogol)
- Melibatkan diri dalam kegiatan seksual dengan seseorang yang tidak mempunyai pemahaman atau keupayaan mental untuk memberi persetujuan (cth. kanak-kanak atau orang dewasa yang mudah terjejas)
- Sebarang rancangan atau niat untuk melatih seseorang bagi sebarang kegiatan seksual dan mengekalkan akses seksual kepada orang tersebut
- Melibatkan diri dalam kegiatan seksual tanpa sentuhan dengan seseorang tanpa kebenaran (cth. memaksa kanak-kanak bawah umur untuk menyaksikan sebarang kegiatan seksual, seperti pornografi, ekshibisionisme, pendedahan lucah atau voyeurisme)
- Mengedar atau mengugut untuk mengedarkan gambar atau video seks, atau sebarang kandungan lucah berkenaan dengan orang lain
- Menghalang mangsa daripada memberitahu atau melaporkan tentang penderaan terhadap dirinya

KEGANASAN SEKS DALAM TALIAN

- Memberi tekanan kepada seseorang untuk mengirim gambar eksplisit diri mereka dalam talian (cth. melalui platform sosial)
- Menyiarkan sebarang komen seksual yang tidak diminta
- Mengedarkan sebarang gambar atau video eksplisit orang lain dalam talian
- Melakukan perbuatan seksual pada platform dalam talian

APAKAH BEBERAPA TANDA YANG PERLU DIPERHATIKAN PADA MANGSA?

- Kecederaan yang tidak dapat dijelaskan di sekitar kemaluan, kerengsaan kencing atau penyakit kemaluan
- Menunjukkan ketakutan yang luar biasa dan mendadak serta menghindari orang, tempat atau objek tertentu (cth. ketakutan tiba-tiba untuk mandi kerana mangsa telah didera di dalam bilik mandi)
- Menggunakan pengetahuan atau bahasa yang tidak sesuai dengan umur, minat terhadap seks atau penunjukan tingkah laku seksual dalam kalangan kanak-kanak kecil (cth. menggunakan perkataan seksual yang eksplisit atau meminta rakan sebaya untuk melakukan gaya yang kelihatan berunsur seksual)
- Memaparkan tingkah laku yang mencederakan diri sendiri atau membunuh diri*

** Tanda-tanda ini juga mungkin menunjukkan adanya masalah lain yang sedang dialami seseorang dan tidak semestinya disebabkan oleh keganasan seksual.*

BERHENTI SENYAP



APA ITU KEGANASAN KELUARGA DAN RUMAH TANGGA?

Sebarang tingkah laku ganas, mengancam atau mengawal yang berlaku pada mana-mana individu dalam keluarga, rumah tangga atau persekitaran rumah tangga. Ini boleh berlaku kepada orang yang sedang berpacaran atau dalam hubungan intim atau antara penjaga dengan tanggungan.

BENTUK PENDERAAN



Keganasan Berpacaran



Penderaan Pasangan Hidup



Penderaan Kanak-kanak



Penderaan Warga Emas



Penderaan Warga Emas Mudah Terjejas

TANDA DAN SIMPTOM

Penderaan Fizikal

- Lebam, luka, melecur
- Patah tulang, kecederaan dalaman
- Pengurungan yang salah

Pengabaian

- Tidak memenuhi keperluan perubatan anda
- Tidak memberi anda makan sepanjang tempoh tertentu
- Tidak menyediakan penjagaan dan pengawasan yang sewajarnya kepada kanak-kanak, warga emas atau orang kurang upaya mental

Penderaan Emosi dan Psikologi

- Kritikan berterusan, panggilan nama tidak elok atau jeritan
- Penghinaan peribadi atau di khalayak ramai
- Menghina atau mengugut untuk memudaratkan rakan dan keluarga
- Sentiasa mahu anda melaporkan perkara yang anda lakukan atau tempat anda pergi
- Tidak membenarkan anda menghubungi keluarga atau rakan anda
- Tidak membenarkan hubungan sosial
- Melempar dan memusnahkan sesuatu
- Membuat mangsa sangsi tentang diri sendiri sebagai satu bentuk manipulasi

Apakah yang boleh anda buat apabila anda mengesyaki seseorang mengalami keganasan atau penderaan?



SILA dekati mangsa secara peribadi.

SILA temani mangsa ke doktor jika perlu.

SILA dekati mana-mana agensi atau sumber bantuan berikut:

- Polis
- Talian Bantuan AntiKeganasan dan Gangguan Seksual Nasional
- Pusat Pakar Keganasan Keluarga
- Pusat Pakar Perlindungan Kanak-Kanak
- PAVE ISIFPSC



JANGAN meremehkan atau tidak mengendahkan keganasan dan beritahu mangsa bahawa semuanya akan menjadi baik-baik belaka.

JANGAN hilang kesabaran anda jika mangsa enggan mendapatkan bantuan. Teruskan menyokong dan terus berhubung dengannya.

JANGAN galakkan mangsa untuk meninggalkan sesuatu perhubungan atau rumah tangga jika mereka tidak mempunyai rancangan keselamatan atau sokongan.

Jangan berdiam diri atau berpaling apabila anda menyaksikan keganasan.

Anda boleh HENTIKAN keganasan. Tampil ke depan. Tawarkan Bantuan.

Hubungi Talian Bantuan AntiKeganasan dan Gangguan Seksual Nasional

1800-777-0000

**Waktu operasi: 24 jam setiap hari, Isnin hingga Ahad*

Untuk maklumat lanjut, sila layari:
www.msf.gov.sg/breakthesilence